

15 MAY 2001

AMERIKA-ASEAN

MAJLIS PERNIAGAAN AMERIKA-ASEAN SOKONG MALAYSIA JADI IBUPEJABAT SERANTAU

PUTRAJAYA, 15 Mei (Bernama) -- Majlis Perniagaan Amerika Syarikat-Asean telah menyatakan hasratnya untuk membantu mempromosi Malaysia sebagai ibupejabat serantau bagi syarikat-syarikat Amerika.

Hasrat mereka itu telah dinyatakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila delegasi majlis itu menemui beliau di pejabatnya di sini hari ini.

Delegasi 32 anggota itu, mewakili 17 syarikat Amerika mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir selama kira-kira sejam.

Salah seorang peserta delegasi yang meminta namanya tidak didedahkan berkata pertemuan itu juga merupakan susulan bagi maklum balas yang amat baik yang diterima daripada syarikat-syarikat Amerika yang telah menubuhkan ibupejabat serantau masing-masing di sini.

Syarikat-syarikat ini di Amerika telah menyatakan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat ibupejabat serantau sambil memuji daya saing negara ini, katanya.

Beliau berkata majlis itu juga memberitahu perdana menteri bahawa syarikat-syarikat Amerika positif dan yakin dengan suasana pelaburan dan kemajuan ekonomi Malaysia.

Beliau memberi contoh, seorang anggota delegasi di pertemuan itu memberitahu bahawa sebuah syarikat Amerika baru-baru ini memindahkan ibupejabatnya ke Kuala Lumpur dari Australia.

Sementara itu, majlis perniagaan itu juga menyatakan rasa puas hati dengan sokongan kerajaan Malaysia terhadap sektor swasta, kata delegasi itu.

Beliau berkata majlis perniagaan itu juga mengutarakan satu soalan mengenai perkembangan Penerbangan Malaysia, di mana Dr Mahathir menjawab kerajaan menyambut baik penyertaan asing dan masih terbuka kepada cadangan-cadangan untuk penerbangan kebangsaan itu.

Beliau menambah bahawa majlis itu juga menyatakan ia akan mengadakan mesyuarat lembaganya di Malaysia pada Ogos ini sebagai bukti keyakinannya dalam menjalankan perniagaan di Malaysia. -- BERNAMA

LES SD JR